



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 9 TAHUN 2024

**SEMAKAN SEMULA JAWATAN PRO NAIB CANSOLOR
DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelarasan semula jawatan Pro Naib Canselor di UMT.

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Pelarasan Semula Jawatan Pro Naib Canselor UMT

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-94 (Bil. 7 Tahun 2024) yang bersidang pada 2 Disember 2024 telah bersetuju dengan pewujudan dua jawatan Pro Naib Canselor seperti berikut:
 - a) Pro Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Digital) atau PNC (JIM&D); dan
 - b) Pro Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat) atau PNC (SP&K).
4. Rentetan itu, penjajaran semula pusat tanggungjawab di bawah kedua-dua Pro Naib Canselor telah dilaksanakan. Carta organisasi UMT terkini adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **5 Disember 2024**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



Ts. WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu

CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kemas kini : 5 Disember 2024

Lampiran 1

